

# Dunia Wartawan

## Sejarah Surat Khabar Melayu yang Awal Pertama di Kepulauan Melayu

Menurut sejarahnya, bahawa surat khabar Melayu yang mula-mula terbit di Tanah Melayu ialah akhbar mingguan “*Jawi Peranakan*” yang diterbitkan di Singapura pada tahun 1876. Tetapi 16 tahun terdahulu daripada itu, Indonesia telah pun mempunyai akhbar Melayunya bernama “*Slomporet Melajoe*” diterbitkan di Semarang pada tahun 1860. Inilah akhbar Melayu yang awal pertama di seluruh Kepulauan Melayu.

## Riwayat Perkembangan Surat Khabar Indonesia Dahulu dan Sekarang

Pada tahun 1744 masa pemerintahan Gabenor

Jeneral Van Imhoff, salah seorang pegawai Belanda bernama: Yan Erdman Yordines telah mendapat kebenaran menerbitkan akhbar yang awal pertama di Indonesia, bernama: “*Bataviasche Nouvelles en Politique Raison-nementen*” (Bataviase Nouvelles en Politique Raison-nementen).

Pada tahun 1776 terbit pula “*Het Vendu-Nieuws*”, lalu digantikan oleh “*Bataviasche Courant*” pada tahun 1811, yang kemudiannya pada tahun 1812 digantikan pula oleh “*Java Government Gazette*” sepanjang masa pemerintahan Inggeris.

Pada tahun 1817 akhbar “*Bataviasche Courant*” terbit semula dengan peredaran seminggu sekali hingga tahun 1828 lalu bertukar nama menjadi “*Javasche Courant*” sebagai akhbar pemerintah.

Sesudah itu sehingga tahun 1833 dua buah akhbar Belanda telah diterbitkan tetapi keduanya tidak hidup lama.

### Akhbar harian yang pertama

Pada tahun 1837 terbitlah akhbar harian Belanda yang pertama di Indonesia, (di Surabaya) bernama “*Soerabajasch Courant*”. Pada tahun 1845 terbit sebuah lagi di Semarang, yang kemudiannya pada tahun 1863 bertukar nama menjadi “*De Locomotif*.”

Di Betawi (Jakarta) sebuah mingguan telah diterbitkan pada tahun 1851 bernama “*Bataviasche Advertantie Blad*”, akhbar ini pada tahun 1852 telah digantikan oleh “*Javabodi*” yang terbit dua kali seminggu sampai tahun 1858, kemudian terbit pula “*Het Bataviasche Nieuwsblad*”

Dua buah akhbar Belanda telah diterbitkan di luar Tanah Jawa, sebuah di Padang: pada tahun 1859, dan sebuah lagi di Makassar: pada tahun 1861.

Pada umumnya akhbar-akhbar Belanda di Indonesia zaman itu tidak berani menegur dasar pemerintah, isinya hanyalah

warta berita dan iklan-iklan serta petikan dari akhbar-akhbar di negeri Belanda. Siarannya hanya kira-kira seribu naskah pada sekali cetak.

Orang yang mula-mula berani menegur dasar pemerintah penjajah Belanda ialah wartawan Ha Yieh Lyon, pemimpin akhbar *Bataviasche Niews Blad*. Langkahnya itu menggemparkan pada mulanya, tetapi lama kelamaan baharu disedari bahawa pemerintah patut menerima teguran.

#### **Akhbar Melayu yang Pertama di Indonesia**

Pada tahun 1860 akhbar Melayu yang awal pertama di Indonesia telah diterbitkan di bandar Semarang, bernama "*Slompret Melajoe*". Pada tahun 1862 terbit pula sebuah lagi bernama "*Bintang Timur*" di Surabaya. Empat tahun kemudian sebuah akhbar bahasa Jawa (yang memakai huruf Jawa) telah diterbitkan di Sulu. Akhbar itu bernama "*Brumartani*".

Di bandar Betawi, tiga buah akhbar Melayu telah diterbitkan dengan berturut-turut. Sebuah di antaranya bernama: "*Bianglala*", terbit pada tahun 1867. Dua tahun kemudian terbit pula "*Bintang Barat*" dan "*Matahari*". Kesemuanya diterbitkan oleh Belanda dan juga dipimpin oleh Belanda.

"*Cahaya Siang*" sebuah akhbar bulanan telah diterbitkan di Sulawesi pada tahun 1869. Sementara itu di Betawi sesudah itu terbit pula "*Hindia Netherlands*" dan terbit pula "*Bintang Jauhar (Jawhār)*".

Kira-kira pada tahun 1885, di Indonesia ada 18 buah surat khabar Belanda dan 12 buah akhbar anak negeri. Kebanyakan surat khabar yang diterbitkan oleh bangsa Belanda, pada mulanya hanya terbit sekali atau dua kali seminggu

dan hanya beberapa buah sahaja yang telah hidup terus hingga pecah Perang Dunia yang kedua. Manakala akhbar-akhbar yang telah diterbitkan untuk anak negeri (Melayu dan lain-lain bahasa daerah) semuanya mati, ada yang lekas matinya dan ada yang tahan lama seperti "*Brumartani*" (bahasa Jawa).

Surat khabar-surat khabar bahasa Belanda yang telah hidup terus hingga zaman Belanda menyerah diri kepada Jepun, di antaranya ialah *Javabodi*, *The Locomotive*, *Mataram*, *Soerabajasche Courant* dan *Deli Courant*.

Untuk kepentingan politiknya, Belanda memang tidak sayang wang dan tenaga buat mengadakan bacaan bagi anak negeri. Akhbar "*Bintang Hindia*" terkenal riwayatnya tentang ini, yang khabarnya sampai menghabiskan wang beratus-ratus ribu Rupiah.

Dengan timbulnya pergerakan nasional (dan pergerakan Islam) seperti Budi Utomo, Sjarikat Islam dan lain-lainnya pada tahun 1908 dan seterusnya, maka baharulah sejarah persuratkhabaran Indonesia yang sebenarnya itu dimulai. Yakni mulailah ada usaha yang nyata dalam lapangan menerbitkan surat khabar dengan modal dan tenaga bangsa Indonesia sendiri. Di antaranya ialah majalah "*Medan Prijaji*" dan majalah "*Saroetomo*". Semenjak itu beransur-ansur timbullah pelbagai surat khabar harian dan majalah seperti "*Darmo Kondo*" di Sulu, surat khabar "*Port Deli*" (1910) di Medan, dan surat khabar "*The Express*" yang dipimpin oleh Douwes Dekker (Doktor Setiabudi).

Akhbar-akhbar Tionghua – Melayu, ketika itupun dalam banyak hal sudah lebih maju daripada persuratkhabaran Indonesia, kerana kewangannya lebih kuat.

Kalau pada tahun 1885 jumlah surat khabar-surat khabar dan majalah di seluruh Indonesia hanya 30 buah, maka 25 atau 30 tahun kemudian, sudah meningkat naik menjadi tiga kali ganda.

### **Perhubungan Surat Khabar dengan Masyarakat**

Sejarah persuratkhabaran tidak boleh dipisahkan dari keadaan masyarakat seluruhnya, masing-masing pengaruh mempengaruhi. Kemajuan dalam lapangan persuratkhabaran menjadi cermin dari kemajuan yang didapati dalam lain-lain lapangan, terutama sekali dalam pergerakan politik. Fikiran penjajah yang sangat kolot lama kelamaan tidak dapat dipertahankan lagi. Sedikit demi sedikit, hak berkumpul dan bersidang atau kesempatan mengeluarkan fikiran dan perasaan makin bertambah luas, terutama sesudah tahun 1918, ketika tanah jajahan Hindia Belanda mendapat semacam badan perwakilan yang dinamakan “Volksrad”.

Oleh itu maka segala perbincangan dalam sidang Volksrad itu, dengan sendirinya juga sampai di luar dan menjadi perbincangan yang lebih luas dalam kalangan masyarakat.

### **Patah Tumbuh Hilang Berganti**

Semenjak itu surat khabar dan majalah pun diterbitkan orang dengan banyaknya di seluruh Indonesia. Meskipun banyak yang mati tetapi kekosongan itu segera diisi dengan yang baharu dan seterusnya – patah tumbuh hilang berganti.

Adalah dipercayai pada waktu permulaan Perang Dunia yang kedua, di seluruh Indonesia didapati lebih kurang antara 350 dengan 400 surat khabar harian dan berbagai-bagai

majalah mingguan dan bulanan. Jumlah surat khabar-surat khabar harian sahaja, baik berbahasa Indonesia, Belanda atau Tionghua – Melayu ialah 75 buah.

Di Jakarta, akhbar-akhbar Indonesia yang utama pada waktu itu ialah “*Pemandangan*”, “*Cahaya Timur*” dan “*Berita Umum*.” Yang berbahasa Belanda pula ialah: “*Javabodi*”, “*Het Bataviasche Nieuwsblad*”, “*Het Nieuws Van Den Dagh*” dan *Volkscourant*.

### **Akhbar Orang Tionghua di Jakarta**

Golongan Tionghua di Jakarta mempunyai akhbar harian “*Sen Poh*” dalam bahasa Indonesia dan juga dalam bahasa Tionghua, “*Keng Poh*”, “*Tsin Song Yit Poh*”, “*Hong Poh*” dan *Siang Poh*”.

### **Surat Khabar-surat khabar Indonesia di Merata-rata Pulau Jawa**

Di Bandung pada masa itu (pada masa permulaan Perang Dunia kedua) didapati akhbar harian: *Sipatahunon*, *Sinar Pasundan*, *Nikorak Express*, dan surat khabar bahasa Belanda: *Het Alkhamein Indies Daghblad*, *De Couriers* dan *De Indie Bodie*.

Di Semarang: *The Locomotive*, *Het Alkhamein Hindilsblad*, *Matahari*, *Suara Semarang* dan *Sinar Selatan*.

Di Jogja: Surat khabar *Jogja Budi*, *Mataram*, *De Porstinlienden* dan *Sidiatama*.

Di Sulu: Surat khabar “*Forte*” yang sebelum itu bernama *Darmo Kondo*.

Di Surabaya: Surat khabar: *Het Soerabajaes Hindiesblad*, *De Indies Courant*, *Suara Awam*,

*Tempoh, Sin Teh Poh, Forte Surabaya* dan *Express*.

Di Malang: Surat khabar *Malang Budi* dan *Ustusuk*

*Bodie*.

#### **Surat Khabar-surat khabar Indonesia di Sumatera**

Di Sumatera pula kita dapati surat khabar-surat khabar: *Forte*

*Daily, Sinar Daily, Persamaan, Radio, Perca Selatan*, dan

surat khabar Belanda *The Daily Courant*.

Selain dari akhbar-akhbar harian, kita dapati majalah-majalah

*Panji Islam, Pedoman Masyarakat* dan lain-lainnya.

Manakala di Borneo pula, surat khabar yang besar ialah

*Suara Kalimantan*.

Demikianlah perkembangan surat khabar Indonesia dalam

zaman Belanda.

#### **Surat Khabar-surat khabar Indonesia zaman Jepun**

Tatkala Jepun menakluk kerajaan Belanda

di Indonesia, maka surat khabar dan majalah-majalah yang terbit dalam

zaman Belanda dahulu, boleh dikatakan semuanya telah disapu

bersih, hanya satu sahaja yang dibenarkan terbit terus.

Manakala yang terbit dalam bahasa Belanda tidak dibenarkan sama

sekali.

Sepanjang yang diketahui di Pulau Jawa misalnya hanya

dibenarkan terbit 5 buah akhbar harian dalam bahasa

Indonesia iaitu: "*Asia Raya*" di Jakarta, "*Cahaya*"

di Bandung, "*Sinar Baru*" di Semarang, "*Sinar Matahari*"

di Jogja, dan "*Suara Asia*" di Surabaya.

Selain daripada itu tiap-tiap daerah "*Shio*" (yang

dikuasai oleh seorang pegawai Jepun), mempunyai

majalah mingguan dalam bahasa daerah yang dinamakan "*Shio Shimbun*".

Bagi golongan Cina diterbitkan sebuah harian:

"*Kong Yong Pau*" dalam bahasa Cina – Melayu dan

sebuah lagi dengan huruf Cina.

Untuk bangsa Jepun sendiri diterbitkan pula

akhbar "*Jawa Shimbun*". Selain daripada itu didapati

sebuah majalah bergambar: "*Jawa Baru*" yang terbit dalam dua

bahasa – Jepun dan Indonesia.

Surat khabar-surat khabar yang tersebut, dikecualikan yang

diterbitkan dan diurus oleh bangsa Jepun sendiri

(seperti "*Jawa Shimbun*" dan "*Jawa Baru*"),

adalah kesemuanya diselenggarakan oleh sebuah badan

rasmi atau setengah rasmi, bernama "*Jawa Shinbunakai*"

atau "*Gabungan Surat Khabar-surat khabar di Jawa*."

Sumatera dan Semenanjung Tanah Melayu (yang telah

dipersatukan pertadbirannya) diadakan badan gabungan

surat khabar-surat khabarnya sendiri yang terpisah, seperti juga

halnya Borneo, Sulawesi dan pulau-pulau Sunda

kecil.

#### **Surat Khabar Indonesia dalam Zaman Republik**

Sebaik-baik sahaja Jepun menyerah kepada pihak yang

bersekutu dan kemerdekaan Indonesia diisytiharkan

oleh bangsa Indonesia maka surat khabar-surat khabar Indonesia

yang berjiwa merdeka segera diterbitkan oleh wartawan-wartawan

Indonesia.

Di Jakarta, akhbar "*Asia Raya*" (zaman Jepun)

telah digantikan oleh akhbar "*Merdeka*". Di Bandung terbit

pula "*Suara Merdeka*" menggantikan akhbar "*Cahaya*".

Di Jogja akhbar “*Kedaulatan Rakyat*” telah diterbitkan sebagai ganti “*Sinar Matahari*”, dan di Surabaya terbit pula “*Suara Rakyat*” yang menggantikan “*Suara Asia*.”

Selepas itu berturut-turut pula terbit di Jakarta akhbar-akhbar dan majalah-majalah yang lain. Semasa makalah ini ditulis, kita dapati: *Berita Indonesia*, *Sumber*, *Masa Indonesia*, *Mingguan Siasah*, *Mingguan Merdeka*, dan *Minbar Indonesia* (kemudiannya terbit pula *Akhbar Abadi*, *Minggu Abadi*, *Pedoman*, *Indonesia Raya*, *Duta Masyarakat*, *Hikmah*, dan lain-lainnya – P.).

Di Jogja terbit pula surat khabar harian: *Nasional*, *Mataram* dan *Patriot*. Mingguannya pula ialah *Majalah Revolusioner*, *Suara Publik*, *Bakti* dan *Komentor Indonesia*.

Di Sulu pula kita dapati harian: *Merdeka*, *Pasifik* dan “*Bekerja*”, serta mingguan *Pedoman*.

Di Madiun terbit pula harian: “*Api Rakyat*” dan mingguan *Penyuluh Rakyat*. Di Kediri terbit harian “*Suara Rakyat*” dan dua buah mingguan iaitu “*Joyoboyo*” dan “*Menara Merdeka*”. Di Belitar, kita dapati: Mingguan “*Tinjauan*”.

#### **Di Sumatera dalam zaman republik**

Di Sumatera kita dapati di Bukit Tinggi dua buah akhbar harian: “*Detik*” dan “*Pancasila*”. Dan empat mingguan: *Bintang*, *Berjuang*, *Berita* dan *Suasana*.

Di Sibolga pula kita dapati harian: *Suara Nasional*. Di Tarutung (daerah Tapanuli) ada pula

hariannya: “*Tawakkal*” (*Tawākkal*) dan mingguan *Suluh Merdeka*. Dan di Padang: Harian “*Cahaya Padang*”.

Di Medan kita dapati dua harian: *Waspada* dan *Minbar Umum* (kemudian daripada itu terbit pula: *Lembaga*, *Patriot* dan *Berita – P.*) dan sebuah mingguan: *Aneka Warna* (kemudian daripada itu terbit pula beberapa majalah mingguan seperti: *Waktu*, *Pelangi*, *Penyedar* dan beberapa majalah bulanan yang berdasar Islam seperti: “*Al-Islām*”, *Menara Islam* dan “*Berjuang*” – P.).

Di Kota Raja (Acheh) ada sebuah hariannya: *Semangat Merdeka*. Di Lampung ada juga akhbar yang terbit tiga kali seminggu: “*Suara Lampung*”, manakala di Palembang kita dapati dua buah harian: “*Obor Rakyat*” dan “*Sinar*”.

Sayang penulis tak dapat mencatat akan nama akhbar-akhbar yang terbit di Kalimantan, Sulawesi dan di pulau-pulau Sunda Kecil dalam zaman republik.

Patut juga disebut dalam zaman republik, ketika Belanda menduduki semula sebahagian dari kawasan Indonesia mereka telah menerbitkan akhbar yang berbahasa Belanda dan Indonesia sebagai mengimbangi akhbar-akhbar Republik Indonesia. Pada masa itu kita dapati di Jakarta mereka (Belanda) menerbitkan: “*Panji Rakyat*” dan “*Fajar*”, selain daripada beberapa buah yang berbahasa Belanda. Begitu juga halnya di daerah-daerah yang telah didudukinya.

Demikian pati tulisan Mr. Sumatang – di dalam bukunya: “*Beberapa Soal Tentang Press dan Journalistik*.”